

PENGARUH USUL FIQH MAZHAB SYĀFI'Ī TERHADAP ULAMA MUTA'AKHKHIRĪN MAZHAB FIQH LAIN DAN ULAMA DI ALAM MELAYU

Mas Reduan Bin Haji Jumat¹
Ibnor Azli Ibrahim²

Abstrak

Imam Syāfi'ī raḍiallāhu 'anhu ialah pengasas ilmu Usul Fiqh. Perkara ini telah membuka mata para ulama fiqh selepas beliau, lalu mereka mengikut jejak langkah beliau dalam penyusunan ilmu Usul Fiqh berdasarkan metodologi mazhab masing-masing. Ini seolah-olah menunjukkan adanya pengaruh Usul Fiqh Mazhab Syāfi'ī terhadap ulama-ulama lain. Justeru objektif kajian ini adalah untuk membincangkan tentang pengaruh ilmu Usul Fiqh dalam Mazhab Syāfi'ī terhadap ulama muta'akhhirīn mazhab fiqh yang lain; Mazhab Ḥanafī, Mazhab Mālikī dan Mazhab Ḥanbalī, serta pengaruhnya terhadap ulama di Alam Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metodologi kepustakaan dalam mengumpulkan maklumat daripada kitab-kitab seperti kitab-kitab Usul Fiqh Mazhab Syāfi'ī, Mazhab Ḥanafī, Mazhab Mālikī dan Mazhab Ḥanbalī yang terpilih dan sebagainya. Seterusnya analisa kandungan kitab-kitab tersebut dijalankan bagi mengeluarkan dapatan kajian. Kajian ini adalah berbentuk deskriptif. Kajian ini mendapati bahawa Usul Fiqh Mazhab Syāfi'ī mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penulisan Usul Fiqh mazhab yang lain dan juga terhadap ulama di Alam Melayu. Usaha ulama di Alam Melayu dalam bidang Usul Fiqh pula turut memberikan sumbangan yang besar kepada perkembangan ilmu Usul Fiqh dalam dunia Islam.

Kata kunci: *Usul Fiqh, Syāfi'ī, Ulama Muta'akhhirīn, Mazhab Fiqh, Alam Melayu.*

¹ 20PO1011, Mahasiswa Doktor Falsafah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syāfi'ī, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Emel: reduan.jumat@gmail.com

² Timbalan Pengarah, Pusat Penyelidikan Mazhab Syāfi'ī. Email: tesyekkur@gmail.com

PENDAHULUAN

Imam Syāfi'ī *raḍ iallāhu 'anhu* merupakan orang yang mula-mula sekali menulis dan menyusun ilmu Usul Fiqh. Nama penuh beliau ialah Muhammad bin Idrīs bin al-'Abbās bin 'Uthmān bin Syāfi' bin al-Sā'ib Ibn 'Ubaid bin 'Abd Yazīd bin Hāsyim bin al-Muṭ ṭ alib bin 'Abd Manāf. Pertalian nasab beliau bersambung kepada Rasulullah ṣ *allallāhu 'alaihi wasallam* melalui jalur 'Abd Manāf. Dilahirkan di Ghazzah, Palestin pada tahun 150 Hijrah. Pada tahun itu juga Imam Abū Ḥanīfah meninggal dunia. (Mannā' al-Qaṭ ṭ ān 1402H/1982M, 296)

Imam Abū Thaur *raḥ imahullāh* menceritakan, tatkala Imam Syāfi'ī *raḍ iallāhu 'anhu* datang kepada kami, kami pergi bertemu beliau. Beliau berkata:

“Sesungguhnya Allah Ta'ala adakalanya menyebut suatu perkara secara umum, tetapi yang dimaksudkan adalah dalam konteks yang khusus. Dan adakalanya Allah Ta'ala menyebut suatu perkara secara khusus tetapi yang dimaksudkan adalah dalam konteks yang umum.”

Kami tidak mengetahui mengenai perkara-perkara seperti ini, lalu kami bertanya kepada Imam Syāfi'ī *raḍ iallāhu 'anhu* mengenainya. Beliau menjawab:

“Sesungguhnya Allah Ta'ala berfirman:

إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ فَاخْشَوْهُمْ

(tafsirnya: “Sesungguhnya kaum (Quraisy yang kafir) telah mengumpulkan tentera untuk menyerang kamu, oleh itu takutlah kepada mereka”)¹. Maksud (kaum) di sini adalah Abu Sufyān. Dan Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ

¹ Surah Āli 'Imrān, 3:173. (2014). Pusat Da'wah Islamiah. Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

(tafsirnya: “Wahai Nabi (Muhammad)! Apabila kamu (engkau dan umatmu) menceraikan isteri-isteri...”)¹. Ayat ini adalah dalam bentuk yang khusus, tetapi yang dimaksudkan adalah dalam konteks yang umum.”

Selepas sahaja Imam Abū Thaur mendengar penjelasan Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu*, Abū Thaur dapat menyelami bahawa kata-kata Imam Syāfi‘ī itu tidak sama seperti kata-kata orang lain. (Al-Rāzī 1206/1986, 63; Mannā‘ al-Qaṭ ṭ ān 1402H/1982M, 304)

Imam Ahmad bin Hanbal *rah imahullāh*, Imam Mazhab Ḥanbalī pernah berkata: “Aku tidak mengetahui tentang hadith pemansuh dan hadith yang dimansuhkan sehinggalah aku duduk bersama Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu*.(Ibn Khalkān t.t, j4:163)

Apa yang diceritakan oleh Imam Abū Thaur dan ungkapan Imam Ahmad bin Hanbal *rah imahumallāh* di atas memberi gambaran bahawa Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* merupakan orang yang mula-mula berperanan besar dalam menonjolkan dan menjelaskan ilmu-ilmu yang berkaitan Usul Fiqh yang sebelumnya tidak dikenali oleh orang lain.

Penulisan ilmu Usul Fiqh yang diusahakan oleh Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* melalui kitab beliau “al-Risālah” merupakan titik permulaan gerakan penulisan dalam disiplin ilmu Usul Fiqh. Dalam kitab al-Risālah, Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* membincangkan tentang al-Kitāb, Sunnah, *ijma’*, *qiyās*, ‘*al-‘ām wa al-khās*, *al-awāmīr*, *al-nawāhi*, *al-bayān*, *al-khabar*, *al-naskh*, *hukum ‘illah* dalam *qiyās* dan sebagainya.

Kemudian selepas itu, penulisan yang dibuat oleh Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* itu diikuti pula oleh para ulama yang lain. Para ulama fiqh dari kalangan Mazhab Ḥanafī mengkaji dan membahaskan kaedah-kaedah tersebut dan mereka membahaskannya dengan panjang lebar. Perkara yang sama juga dilakukan golongan ulama *Mutakallimīn* iaitu majoriti ulama Usul.(Ibn Khaldūn 1425H/2004M, j2:201) Penulisan ilmu Usul yang diusahakan oleh kedua-dua aliran ini adalah berbeza mengikut metode masing-masing iaitu dari aspek cara penetapan kaedah Usul Fiqh.

¹ Surah al-Talaq, 65:1. Ibid.

Menurut al-Zuhailī *rahimahullāh*, metode penetapan kaedah Usul Fiqh yang dipraktikkan oleh aliran fuqaha’ Mazhab Ḥanafī adalah berasaskan kepada hukum-hukum furuk yang dinukil daripada pendapat-pendapat Imam Abū Ḥanīfah *rahimahullāh*. Sementara metode penetapan kaedah Usul Fiqh yang dipraktikkan oleh aliran *Mutakallimīn* adalah berasaskan dalil-dalil ‘aqlī, tidak fanatik kepada mazhab fiqh tertentu, dan hanya menggunakan hukum-hukum furuk bagi tujuan memberi penjelasan dan contoh. Pengasas kepada aliran ini ialah Imam Syāfi’ī *radīallāhu ‘anhu*.

Antara kitab-kitab yang masyhur dalam penulisan ilmu Usul Fiqh dari aliran *Mutakallimīn* ialah kitab “al-‘Umdah” tulisan al-Qāḍī ‘Abdul Jabbār al-Mu‘tazilī, “al-Mu‘tamad” tulisan Abu al-Ḥasan al-Baṣrī al-Mu‘tazilī, “al-Burhān” tulisan Imam al-Ḥaramain ‘Abdul Malik bin ‘Abdullah al-Juwainī, “al-Mustaṣfā” tulisan Imam Abū Ḥamid al-Ghazālī, “al-Maḥṣūl” tulisan Imam Fakhruddīn al-Rāzī, “al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām” tulisan Abu al-Ḥasan al-Āmidī, “al-Minhāj” tulisan Imam al-Baiḍāwī al-Syāfi’ī, “Syarḥ al-Minhāj” tulisan Imam Jamāluddīn al-Isnawī dan lain-lain lagi.

Sementara kitab-kitab yang masyhur dalam penulisan ilmu Usul Fiqh dari aliran fuqaha’ Mazhab Ḥanafī antaranya ialah kitab “Uṣūl al-Jaṣṣaṣ” tulisan Imam al-Jaṣṣaṣ al-Rāzī, “Taḳwīm al-Adillah” dan “Ta’rīs al-Naṣar” tulisan Imam Zaid al-Dabbusī, “Tamhīd al-Fuṣūl Fī al-Uṣūl” tulisan al-Sarakhsī, “Uṣūl Fakhr al-Islām al-Bazdawī” tulisan Imam al-Bazdawī, dan lain-lain lagi.

Menurut beliau lagi, pada kurun ketujuh Hijrah timbul satu aliran baru dalam penulisan atau penyusunan ilmu Usul Fiqh, iaitu aliran yang menggabungkan di antara aliran *Mutakallimīn* dan aliran Ḥanafīah. Aliran ini dinamakan sebagai aliran *Muta’akhhirīn*. Metode yang dipraktikkan oleh aliran ini ialah mereka mentaḥqīq kaedah Usul dan mensabitkannya dengan suatu dalil, lalu mengaplikasikannya ke atas isu-isu *furū’* fiqh. Antara kitab yang ditulis dari aliran ini ialah kitab “Tanqīḥ al-Uṣūl” dan syarahnya kitab “al-Tawdīḥ”. Kitab ini menggabungkan tiga kitab Usul Fiqh, iaitu Uṣūl al-Bazdawī al-Ḥanafī, al-Maḥṣūl Imam al-Rāzī al-Syāfi’ī dan Mukhtaṣar Ibn al-Ḥājib. Antaranya lagi kitab “Jam‘ al-Jawāmi’” tulisan Imam al-Subkī dan disyarahkan oleh Imam al-Maḥallī. (Al-Zuhailī 1419H/1999M, 16-19)

Merujuk kepada perkembangan ilmu Usul Fiqh yang berlaku semenjak Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* menghasilkan kitab al-Risālah, justeru artikel ini akan membincangkan tentang pengaruh Usul Fiqh Mazhab Syāfi‘ī terhadap ulama *muta’akhhirīn* mazhab fiqh lain iaitu Mazhab Ḥanafī, Mazhab Mālikī dan Mazhab Ḥanbalī. Selain itu, artikel ini juga membincangkan tentang pengaruh Usul Fiqh Mazhab Syāfi‘ī terhadap ulama yang berasal dari Alam Melayu.

PENGARUH USUL FIQH SYĀFI‘Ī TERHADAP ULAMA MUTA’AKHKHIRĪN MAZHAB FIQH LAIN

Apabila penulisan ilmu Usul Fiqh yang pertama berlaku yang dipelopori oleh Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu*, pengasas ilmu Usul Fiqh, perkara itu telah membuka mata para ulama fiqh selepas beliau, lalu mengikut jejak langkah beliau dalam penyusunan ilmu Usul Fiqh berdasarkan metodologi mazhab masing-masing. Para ulama di luar Mazhab Syāfi‘ī menerima hasil pemikiran Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* dalam ilmu Usul Fiqh dengan penerimaan yang berbeza-beza sesuai dengan perbezaan aliran fiqh masing-masing. Sebilangan mereka, metode yang mereka bentuk adalah selari dengan apa yang ditulis oleh Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* dalam kitab al-Risālah beliau secara umumnya, tetapi tidak dalam perinciannya. Golongan ini adalah terdiri daripada ulama Mazhab Ḥanafī. Sebilangan mereka pula, metode yang mereka bentuk adalah sejalan dengan kebanyakan dengan apa yang terdapat dalam kitab al-Risālah Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu*. Golongan ini adalah terdiri daripada ulama Mazhab Mālikī. Sebilangan mereka lagi mengakui dan mengambil dasar-dasar *istinbāt* Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu*. Golongan ini adalah terdiri daripada ulama Mazhab Ḥanbalī. (Abū Zahrah 1996M, 303)

Selain itu, tulisan-tulisan para ulama Mazhab Syāfi‘ī dalam ilmu Usul Fiqh juga menjadi perhatian para ulama *muta’akhhirīn* mazhab fiqh yang lain. Usul Fiqh yang ditulis oleh ulama mazhab Syāfi‘ī itu sebahagiannya diringkaskan, sebahagiannya disyarahkan, sebahagiannya pula digabungkan dengan kitab Usul Fiqh yang lain. Perkara ini dapat dilihat sebagaimana penghuraian di bawah.

1. Pengaruh Usul Fiqh Syāfi‘ī terhadap ulama *muta’akhhirīn* Mazhab Ḥanafī

Dalam penulisan kitab Usul Fiqh Mazhab Ḥanafī, pandangan-pandangan Imam Syāfi‘ī *raḍ iallāhu ‘anhu* tidak diketepikan, malahan ia menarik perhatian yang tinggi dari kalangan para ulama Mazhab

Ḥanafī. Perkara ini antaranya dapat dilihat daripada karya Imam al-Dabbūsī al-Ḥanafī¹ *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau berjudul *Taqwīm al-Adillah Fī Usul al-Fiqh*. Dalam kitab ini, sebagaimana yang dijelaskan oleh Syeikh Khalīl al-Mīs dalam muqaddimah beliau, sungguh pun Imam al-Dabbūsī tidak senada dengan Imam Syāfi'ī dalam beberapa perkara tetapi beliau bersetuju dengan pandangan Imam Syāfi'ī dalam beberapa perkara yang lain. Bolehlah dikatakan bahawa kitab ini merupakan penulisan kitab Usul Fiqh dalam bentuk perbandingan di antara Mazhab Ḥanafī dan Mazhab Syāfi'ī. (Al-Syeikh Khalīl al-Mīs 1421H/2001M, 6)

Selain itu, terdapat beberapa kitab Usul Fiqh tulisan ulama *muta'akhhirīn*² dalam Mazhab Ḥanafī mengambil langkah penggabungan di antara kitab Usul Fiqh mazhab mereka sendiri dengan Usul Fiqh mazhab yang lain, termasuk Mazhab Syāfi'ī, antaranya:

- i. Kitab *Badī' al-Nizām* atau dikenali juga dengan nama *Nihāyah al-Wuṣūl ilā 'Ilm al-Uṣūl*, tulisan Imam Ibn al-Sā'ātī³ *raḥ imahullāh*. Kitab ini adalah gabungan di antara kitab *Kanz al-Wuṣūl ilā Ma'rīfah al-Uṣūl* atau dikenali juga dengan nama *Uṣūl al-Bazdawī*, tulisan Imam al-Bazdawī al-Ḥanafī⁴ *raḥ imahullāh* dengan kitab *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* tulisan Imam al-Āmidī al-

¹ Abū Zaid 'Abdullāh bin 'Umar bin 'Īsā al-Dabbūsī. Seorang ulama fiqh dalam Mazhab Ḥanafī. Meninggal pada tahun 430H. (Ibn Khalkān. *Op. Cit.* j.3, h.48.)

² Sebilangan ulama mengatakan bahawa yang dikategorikan sebagai ulama *muta'akhhirīn* dalam Mazhab Ḥanafī ialah mereka yang tidak mendapati Imam Abū Ḥanīfah, Imam Abū Yusof dan Imam Muhammad bin al-Hasan *raḥ imahumullāh*. Sebilangan ulama pula mengatakan bahawa mereka yang sezaman dengan Syams al-A'immah al-Ḥalawānī *raḥ imahullāh* yang meninggal pada sekitar tahun 450H dan yang datang selepas beliau sehingga Imam Ḥāfizuddīn al-Bukhārī *raḥ imahullāh* yang meninggal pada tahun 693H adalah dikategorikan sebagai ulama *muta'akhhirīn*. (Ahmad bin Muhammad Naṣīruddīn. (1422/2001). *Al-Madhhab al-Ḥanafī*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd. hh.195, 197)

³ Abū al-'Abbās Muḥammad bin al-Dīn Ahmad bin 'Alī bin Taghlib bin Abī Ḍiyā' al-Baghdādī al-Ba'labakī al-Ḥanafī. Meninggal pada tahun 694H. (Al-Qurasyī, 'Abdul Qādir bin Muhammad bin Muhammad bin Naṣīrullāh Ibn Sālim bin Abī al-Wafā'. (t.th.). *Al-Jawāhir al-Muḍīyah al-Ḥanafīyah*. 'Abdul Fattāh al-Ḥulw, Dr. (Tq.). t.tp: Hijr Lī al-Ṭībā'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī' Wa al-I'lān. j.1, hh.208, 212)

⁴ Fakhr al-Islām 'Alī bin Muhammad al-Bazdawī. Seorang ulama tersohor di Warā' al-Nahr [Transoxiana] bermazhab Ḥanafī. Meninggal pada tahun 482H. (*Ibid.* j.2, h. 997)

Syāfi'ī¹ *raḥ imahullāh*.

- ii. Kitab al-Tahrīr Fī Uṣūl al-Fiqh al-Jāmi' Baina Iṣṭilāḥ al-Ḥanafīyyah wa al-Syāfi'īyyah, tulisan Imam Ibn al-Humām² *raḥ imahullāh*. Kitab ini adalah gabungan dua aliran Uṣūl al-Fiqh di antara mazhab Ḥanafī dan mazhab Syāfi'ī. (Ibn al-Humām 1351H, 3)

Menurut Dr. Muhammad Ḥasan Hītū bahawa kitab ini lebih cenderung kepada aliran al-Mutakallimīn (al-Syāfi'īyyah dan Jumhur ulama). (Muhammad Ḥasan Hītū 1419H/1998M, 15)

- iii. Kitab Tanqīḥ al-Uṣūl, tulisan al-'Allamah Ṣadr al-Syarī'ah³. Kitab ini adalah ringkasan daripada tiga buah kitab Uṣūl al-Fiqh daripada tiga mazhab, iaitu Uṣūl al-Bazdawī al-Ḥanafī, Muntahā al-Su'āl Wa al-Amal atau juga dikenali sebagai Mukhtaṣar Ibn al-Hājib al-Mālikī dan al-Maḥsūl Fī 'Ilm al-Uṣūl tulisan Imam al-Rāzī al-Syāfi'ī⁴. Kemudian kitab ini disyarah sendiri oleh penulisnya dan diberi nama al-Taūḍīḥ Fī Ḥallī Ghawāmiḍ al-Tanqīḥ. (Ibrahim Muhammad Salqini 1996M, 39; Al-Zuḥailī 1419H/1999M, 19)
- iv. Kitab Musallam al-Thubūt, tulisan al-'Allamah Muḥibbullāh bin 'Abd al-Syakūr al-Bahārī al-Hindī⁵. Penulisan kitab ini menggabungkan dua aliran iaitu aliran

¹ Al-'Allamah Abu al-Hasan bin 'Alī bin Abī 'Ali Muhammad bin Sālim al-Taghlibī al-Āmidī. Seorang ulama Kalām dan Usul bermazhab Syāfi'ī. Meninggal di Damsyik pada tahun 631H. (Qāḍī Ṣafad, Muhammad bin Abdul Rahman al-'Uthmani al-Qurasyī. (1434/2013) *Tabaqāt al-Fuqaha' al-Kubrā*. Muḥ yiddīn 'Alī Najīb (Tq.). Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah. h.668)

² Kamāluddīn Muhammad bin 'Abd al-Wāhid bin 'Abd al-Ḥamīd bin Mas'ūd al-Sīwāsī al-Iskandarī. Beliau masyhur dengan gelaran Ibn al-Humām. Seorang ulama bermazhab Hanafī. Meninggal pada tahun 861H. (Al-Ziriklī, Khairuddīn. (2002). *Al-A'lām*. Cetakan kelima belas. Beirut: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn. j.6, h.255).

³ 'Ubaidillāh bin Mas'ūd bin Mahmud bin Ahmad al-Mahbūbī al-Bukhārī al-Ḥanafī. Meninggal di Bukhara pada tahun 747H. (Al-Ziriklī. *Op. Cit.* j.4, hh.197-198)

⁴ Abū Abdullāh Muhammad bin 'Umar bin al-Ḥasan al-Rāzī al-Syāfi'ī al-Asy'arī. Beliau masyhur dengan gelaran Fakhr al-Dīn al-Rāzī dan Ibn Khaṭīb al-Rai. Meninggal pada tahun 606H. (Qāḍī Ṣafad. *Op. Cit.* hh.643,646)

⁵ Muḥibbullāh bin 'Abd al-Syakūr al-Bahārī al-Hindī. Meninggal pada tahun 1119H. (Al-Ziriklī. *Op. Cit.* j.5, h.283)

Ḥanafiyah dan aliran Syāfi’iyyah. Perkara ini dijelaskan oleh beliau sendiri di bahagian awal kitab tersebut. (Ibn Niẓām al-Dīn 1418H/1998M, j1:12) Kitab ini kemudiannya disyarahkan oleh Ibn Niẓām al-Dīn¹ rah̄ imahullāh yang dikenali nama Fawātih al-Rah̄ amūt.

Inisiatif sebahagian ulama muta’akhhirīn Mazhab Ḥanafī menggabungkan Usul Fiqh aliran mereka dengan Usul Fiqh aliran al-Syāfi’iyyah kerana mereka melihat bahawa setiap aliran Usul Fiqh itu mempunyai kelebihan masing-masing. Dengan penggabungan kedua-dua aliran tersebut dapat saling melengkapi antara satu sama lain. (Ibrahim Muhammad Salqini 1996M, 38) Perkara ini boleh diperhatikan melalui apa yang dijelaskan sendiri oleh Ibn al-Sā’ātī rah̄ imahullāh dalam bab pendahuluan kitab beliau:

لخصته لك من كتاب الأحكام، ورصعته بالجواهر النفيسة من أصول فخر الإسلام، فإنهما البحران
المحيطان بجوامع الأصول، الجامعان لقواعد المعقول والمنقول، هذا حاو للقواعد الكلية الأصولية، وذاك
مشحون بالشواهد الجزئية الفروعية، وهذا الكتاب يقرب منهما البعيد ويؤلف الشريد، ويبعد لك
الطريقين ويعرفك اصطلاح الفريقين ... (Ibn al-Sā’ātī 1418H, j1:

Ertinya: “*Aku telah ringkaskan kitab ini bagi kamu daripada kitab al-Aḥkām, dan aku taburinya dengan permata yang amat berharga daripada kitab Uṣūl Fakh̄r al-Islām. Maka sesungguhnya keduanya adalah lautan yang dikelilingi oleh himpunan-himpunan Usul Fiqh, kedua-duanya menghimpunkan kaedah-kaedah ma’qūl dan manqūl. Salah satunya mengandungi kaedah-kaedah Usul Fiqh yang menyeluruh, dan salah satu lagi dipenuhi dengan sandaran-sandaran yang terdiri daripada perkara-perkara cabang. Kitab ini berperanan mendekatkan yang jauh daripada kedua-dua kitab tersebut, mendamaikan perbezaan di antara keduanya, mengharmonikan bagi kamu kedua-dua jalan dan memperkenalkan kepada kamu istilah kedua-dua aliran (Ḥanafiyah dan Syāfi’iyyah).*”

Di samping itu, terdapat juga sebilangan ulama muta’akhhirīn Mazhab Ḥanafī menyusun atau menulis kitab Usul Fiqh mereka dipengaruhi oleh metode yang digunakan oleh sebahagian ulama

¹ Muhammad ‘Abd al-‘Aliyy bin Muhammad Niẓāmuddīn al-Laknawī al-Hindī. Seorang ulama bermazhab Ḥanafī. Meninggal di Madras pada tahun 1225. (Al-Ziriklī. Op. Cit. j.7, h.71)

Mazhab Syāfi’ī. Sebagai contoh, kitab al-Wuṣūl ilā Qawā’id al-Uṣūl, tulisan Imam al-Tumurtāsyī al-Ghazzī al-Ḥanafī¹ *raḥimahullāh*. Kitab ini dikenali juga dengan nama Tuḥ fah Ṭālib al-Wuṣūl. Imam al-Tumurtāsyī amat tertarik dan mengagumi metode penulisan Imam al-Isnawī al-Syāfi’ī² *raḥimahullāh* melalui kitab beliau al-Tamhīd fī Takhrīj al-Furū‘ ‘Alā al-Uṣūl. Perkara ini dinyatakan oleh Imam al-Tumurtāsyī dalam muqaddimah kitab beliau tersebut. (Al-Tumurtāsyī t.t, 92 & 113)

Oleh itu, berdasarkan inisiatif dan apa yang dinyatakan oleh para ulama dari kalangan *muta’akhhirīn* Mazhab Ḥanafī dalam kitab-kitab mereka menunjukkan bahawa Uṣūl Fiqh Syāfi’ī mempunyai pengaruh terhadap penulisan Usul Fiqh Mazhab Ḥanafī.

2. Pengaruh Usul Fiqh Syāfi’ī terhadap ulama *muta’akhhirīn* Mazhab Mālikī

Sebilangan kitab Usul Fiqh tulisan ulama *muta’akhhirīn* (Al-Dasūqī t.t, j1:26)³ dalam Mazhab Mālikī juga mengambil langkah sama sebagaimana yang dilakukan oleh ulama *muta’akhhirīn* dalam Mazhab Ḥanafī. Sebilangan mereka memetik dan menggabungkan di antara dua kitab Usul Fiqh. Antaranya apa yang diusahakan oleh Imam al-Qarāfī (Al-Ziriklī 2002, j1:94-95)⁴ *raḥimahullāh* ketika beliau menulis kitab al-Tanqīhāt. Kitab ini adalah bersumber daripada kitab al-Taḥṣīl Min al-Maḥṣūl, tulisan Imam Sirājuddīn al-Urmawī (Qāḍī

¹ Al-Imām Muhammad bin ‘Abdullah bin Ahmad al-Khatīb al-Tumurtāsyī al-Ghazzī al-Ḥanafī. Lahir pada tahun 939H dan meninggal pada tahun 1004H. (Al-Ziriklī. *Op. Cit.* j.6, h.239)

² Al-Imam Abdurrahim bin al-Hasan bin ‘Ali bin ‘Umar bin ‘Ali bin Ibrahim al-Umawi, Syekh Jamāluddīn Abū Muhammad al-Isnawī. Meninggal pada tahun 772H. (Muhammad Hasan Hito, Dr. (1407/1987). Muqaddimah Tahqiq Kitab Al-Tamhīd Fī Takhrīj al-Furū‘ ‘Alā al-Uṣūl. Cetakan keempat. Beirut: Mu’assasah al-Risālah. hh.19, 32)

³ Sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam al-Dasūqī *raḥimahullāh* bahawa ulama Mazhab Mālikī yang termasuk dalam tingkatan *muta’akhhirīn* ialah mereka yang berada pada tingkatan Ibn Abī Zaid *raḥimahullāh* (Abu Muhammad ‘Abdullah bin Abi Zaid Abdurrahman al-Nafari al-Qairawani, meninggal pada tahun 386H) dan yang terkemudian daripada beliau. Ada pun mereka yang terdahulu daripada beliau adalah dikira sebagai ulama *mutaqaddimīn*.

⁴ Ahmad bin Idris bin Abdurrahmān al-Ṣanhājī al-Qarāfī. Beliau diberi gelaran dengan nama Syihābuddīn Abu al-‘Abbās. Beliau merupakan seorang ulama bermazhab Mālikī. Lahir, membesar dan meninggal di Mesir. Meninggal pada tahun 684H.

Şafad 1434H/2013M, 719-720)¹ *raḥ imahullāh* dan kitab al-Ḥaş il Min al- Maḥ ş ūl, tulisan Imam Tājuddīn al-Urmawī (Al-Şafadī 1420H/2000M, j2:261; Qādī Şafad 1434H/2013M, j1:261)² *raḥ imahullāh*. Kedua-dua imam ini adalah daripada kalangan ulama Syafi’iyah. (Ibn Khaldūn 1425H/2004M, j2:201-202)

Imam Ibn al-Ḥājjib (Ibn Khalkān t.t, j3;248&250)³ *raḥ imahullāh* pula menulis sebuah kitab yang dikenali dengan kitab al-Mukhtaş ar al-Kabīr. Kitab ini dihasilkan oleh Ibn al-Hajib dengan mengikhtisarkan kitab al-Iḥ kām, tulisan Imam al-Āmidī al-Syafi’ī *raḥ imahullāh*. (Ibn Khaldūn 1425H/2004M, j2:201-202)

Selain itu, beberapa ulama Mazhab Mālikī juga berminat dan mengambil perhatian terhadap tulisan Imam al-Haramain al-Juwainī al-Syafi’ī (Ibn Khalkān t.t, j3;167&169)⁴ *raḥ imahullāh* dalam ilmu Usul Fiqh khususnya kitab al-Burhān. Sehingga perhatian mereka itu mendorong mereka untuk menganalisis dan mensyarahkannya. Orang yang pertama sekali daripada kalangan mereka yang menganalisis dan mensyarahkannya ialah Imam Abū Abdullah al-Māzarī al-Mālikī (‘Ammar al-Talibi t.t, 5)⁵ *raḥ imahullāh* dalam kitabnya berjudul *Īdāh al-Maḥ ş ūl Min Burhān al-Uş ūl*. (Al-Zarkasyī 1413H/1992M, j1:8; ‘Ammar al-Talibi t.t, 1-2) Perkara yang mendorong beliau mensyarahkan kitab al-Burhān ialah disebabkan kitab al-Burhān merupakan sumber atau sandaran dalam pengajaran beliau, dan disebabkan kecenderungan beliau kepada amalan berijtihad, di mana ijtihad merupakan ciri khusus bagi kitab al-Burhān. Melalui kitab al-Burhān dapat dilihat atau diperhatikan ijtihad-ijtihad Imam al-Haramain al-Juwainī *raḥ imahullāh*. (‘Ammar al- Talibi t.t, 16)

¹ Sirājuddīn Maḥ mūd bin Abū Bakr bin Ahmad al-Urmawī al-Syafi’ī. Beliau meninggal pada tahun 682H.

² Al-Qadi Tajuddin Muhammad bin Husain/Hasan al-Urmawī al-Syafi’ī. Beliau meninggal pada tahun 653H.

³ Abu ‘Amr Jamāluddīn ‘Uthmān bin ‘Umar bin Abi Bakr bin Yūnus al-Kurdī. Beliau merupakan ulama Usul Fiqh dan Fiqh bermazhab Mālikī. Beliau dikenali dengan nama Ibn al-Hājjib. Meninggal pada tahun 646H.

⁴ ‘Abd al-Malik bin Abdullah bin Yusof bin Abdullah bin Yusof bin Muhammad bin Haiyuyah al-Juwaini. Beliau merupakan ulama bermazhab Syafi’i. Meninggal pada tahun 478H.

⁵ Abu Abdullah Muhammad bin Ali bin ‘Umar bin Muhammad al-Tamimi al-Mazari. Beliau bermazhab Maliki. Dilahirkan pada tahun 453H.

Selepas Imam al-Māzarī, kitab al-Burhān disyarahkan lagi oleh seorang ulama Mazhab Mālikī iaitu Imam Syamsuddin al-Abyārī (Bassām al-Jazā’iri 1434H/2013M, j1:127,138&139)¹ *rah imahullāh*. Syarah tersebut diberi nama al-Taḥ qīq Wa al-Bayān Fī Syarḥ al-Burhān. (Al-Zarkasyī 1413H/1992M, j1:8; ‘Ammar al-Talibi t.t, 16) Selepas itu, kitab al-Burhān disyarahkan lagi oleh Abū Yaḥ yā al-Syarīf al-Ḥasanī *rah imahullāh* dan diberi nama Kifāyah Ṭ ālib al-Bayān, Syarḥ al-Burhān. Kitab ini menghimpunkan dua kitab yang mensyarahkan kitab al-Burhān di atas iaitu Idāh al-Maḥ ṣ ūl Min Burhān al-Uṣ ūl, tulisan Imam al-Māzarī dan al-Taḥ qīq Wa al-Bayān Fī Syarḥ al-Burhān, tulisan Imam al-Abyārī. (‘Ammar al-Talibi t.t, 16-17)

Imam al-Zarkasyī *rah imahullāh* menjelaskan bahawa para ulama Mazhab Mālikī telah mengambil perhatian terhadap kitab al-Burhān dengan mensyarahkannya. Mereka ialah Al-Māzarī, Al-Abyārī, Ibn ‘Allāf, Ibn al-Munīr, Syeikh Taqīyuddīn al-Muqṭaraḥ dan Ibn ‘Aṭ ā’ Allah al-Iskandarī (Al-Zarkasyī 1413H/1992M, j1:8) *rah imahumullāh*.

Selain kitab al-Burhān, satu lagi kitab yang masyhur dalam ilmu Usul al-Fiqh dalam Mazhab Syāfi’ī yang menjadi perhatian para ulama Mazhab Mālikī iaitu kitab al-Mustaṣ fā Min ‘Ilm al-Uṣ ūl tulisan Imam Abū Ḥamid al-Ghazālī *rah imahullāh*. Sebilangan mereka ada yang mengambil inisiatif mensyarahkannya, ada pula yang membuat *ḥ āsyiah* (Muhammad Mansur Hamzah t.t, 499)²³ dan ada juga yang mengikhtisarkannya.

Antara mereka yang mensyarahkannya ialah:

- i. Al-Ḥasan / al-Ḥusain bin ‘Abdul ‘Aziz bin Muhammad bin Abdul ‘Aziz bin Muhammad al-Qurasyī al-Fīhrī al-Gharnāṭ ī al-Mālikī, yang dikenali dengan nama Ibn al-Nāṣ ir. Meninggal pada tahun 680H/1281M.
- ii. Abū Ja‘far Ahmad bin Muhammad bin Ahmad bin

¹ Abū al-Hasan Ali bin Ismail bin Ali bin Hasan bin ‘Atiyah al-Sanhaji al-Balkani al-Abyari. Beliau digelar dengan panggilan Syamsuddin al-Abyārī. Seorang ulama bermazhab Mālikī. Meninggal pada tahun 616H.

² *Hāsyiah* bermaksud catatan tepi, ulasan, kata-kata penjelas, komentar.

Abdurrahman bin Ali bin Muhammad al-‘Āmirī al-Gharnāṭī al-Mālikī. Meninggal pada tahun 699H/1299M.

- iii. Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-‘Abdarī al-Fāsī, yang dikenali dengan nama Ibn al-Ḥāj. Meninggal pada tahun 737H/1336M.(Ahmad Zakī al-Ḥammād t.t, j1:29a)

Antara mereka yang meng*ḥ* *āsyiah*kannya pula ialah:

- i. Sahl bin Muhammad bin Sahl bin Ahmad bin Malik al-Azdiy al-Gharnati al- Maliki, Abu al-Hasan. Meninggal pada tahun 639H/1241M.
- ii. Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Azdiy al-Isybili al-Maliki, Abu al- ‘Abbas. Dikenali dengan nama Ibn al-Haj. Meninggal pada tahun 651H/1253M. *Ḥāsyiah* yang beliau hasilkan itu dinamakannya dengan Ḥāsyiah Musykilāt al- Mustafā fā.(Ahmad Zakī al-Ḥammād t.t, j1:30a)

Antara mereka yang mengikhtisarkannya pula ialah:

- i. Ibn al-Rusyd Abū al-Walīd Muhammad bin Ahmad bin Muhammad al-Hafīd al-Qurṭ ubī. Meninggal pada tahun 595H/1198M. Ikhstisar yang beliau hasilkan itu dinamakannya dengan al-Ḍarūrī Fī Uṣūl al-Fiqh.
- ii. Al-Syeikh Jalāluddīn Abū Muhammad Abdullah bin Najm bin Syāsy bin Nazzār bin ‘Asyā’ir bin Syāsy al-Juzāmī al-Sa’dī al-Miṣrī al-Mālikī. Meninggal pada tahun 616H/1219M.
- iii. Al-‘Allāmah Jamāluddīn al-Ḥusain bin Rasyīq. Meninggal pada tahun 632H. Ikhstisar yang beliau hasilkan itu dinamakannya dengan Lubāb al-Maḥṣūl Fī ‘Ilm al-Uṣūl.
- iv. Ahmad bin Muhammad al-Azdiy al-Asybīlī al-Mālikī, yang dikenali dengan nama Ibn al-Haj. Meninggal pada tahun 651H/1253M.(Ahmad Zakī al-Ḥammād t.t, j1:30a)

Melihat kepada perhatian yang diberikan oleh para ulama

Mazhab Mālikī terhadap kitab-kitab karya ulama Mazhab Syāfi’ī dalam ilmu Usul Fiqh melalui usaha mereka mensyarahkan kitab-kitab tersebut, membuat ḥāsyiah, ikhtisar dan juga penggabungan sebagaimana yang dijelaskan di atas, jelas bahawa Usul Fiqh Mazhab Syāfi’ī mempunyai pengaruh dan sumbangan ilmu yang besar terhadap ulama muta’akhhirīn Mazhab Mālikī dalam bidang ilmu Usul Fiqh.

3. Pengaruh Usul Fiqh Syāfi’ī terhadap ulama *muta’akhhirīn* (Maryam Muhammad Ṣāliḥ al-Zāfirī 1422H/2002M, 306)¹ Mazhab Hanbalī

Imam Aḥmad bin Ḥanbal *raḥimahullāh*, pengasas kepada Mazhab Hanbali, merupakan anak murid kepada Imam Syāfi’ī *raḍi allāhu ‘anhu*. Oleh itu, setentunya pemikiran ilmiah Imam Ahmad banyak tercorak daripada Imam Syāfi’ī. Perkara ini terserlah sebagaimana yang diungkapkan sendiri oleh Imam Ibnu Taimiyyah *raḥimahullāh*, beliau berkata: “Pendapat Imam Aḥmad *raḥimahullāh* adalah lebih cenderung dengan pendapat Imam Syāfi’ī dan Ishāq bin Rāhawaih *raḥimahullāh* berbanding dengan pendapat ulama yang lain. Usul Fiqh Imam Ahmad juga lebih serupa dengan Usul Fiqh Imam Syāfi’ī dan Ishāq bin Rāhawaih *raḥimahullāh* berbanding dengan Usul Fiqh ulama selain mereka berdua.” (Zakariyyā bin Ghulām Qādir al-Bākistānī 1423H/2002M, 10-11)

Salah satu prinsip Imam Ahmad yang serupa dengan prinsip Imam Syāfi’ī ialah dalam perkara mendahulukan pendapat-pendapat para sahabat Nabi *ṣallāllāhu ‘alaihi wasallam* ke atas *qiyās* (Al-Zuhailī 1406H/1986M, j1:603)². Prinsip Imam Ahmad ini adalah selari dengan prinsip Imam Syāfi’ī *raḍi allāhu ‘anhu*.

Begitu juga dalam *qiyās*. Imam Ahmad *raḥimahullāh* tidak

¹ Ulama yang dikategorikan sebagai ulama *muta’akhhirīn* dalam Mazhab Hanbalī bermula pada tingkatan Imam Abū al-Ḥasan ‘Alā’ al-Dīn al-Mardāwī yang meninggal pada tahun 885H, sehingga akhir tokoh-tokoh yang berada pada tingkatan ini seperti ‘Uthman bin Jāmi’ al-Najdī yang meninggal pada tahun 1240H, Syeikh Abdullah bin Abdul ‘Aziz al-‘Anqarī yang meninggal pada tahun 1373H, dan Syeikh Abdurrahman bin Muhammad bin Qāsim al-‘Ālamī al-Najdī yang meninggal pada tahun 1392H.

² *Qiyās* dalam ilmu Usul al-Fiqh bermaksud:

الحاق أمر غير منصوص على حكمه الشرعي بأمر منصوص على حكمه، لاشتراكهما في علة الحكم

Ertinya: Pemadanan perkara yang tidak dinaskan hukumnya dari segi syara’ dengan perkara yang dinaskan hukumnya, disebabkan keduanya mempunyai persamaan pada ‘illah hukum.

akan menggunakan *qiyās* sebagai sumber hukum kecuali ketika dalam keadaan terpaksa iaitu ketika tidak ada naṣ daripada al-Qur’an atau Sunnah Nabi ṣ *allāllahu ‘alaihi wasallam*. Kemudian selepas itu, akan dirujuk terlebih dahulu kepada pendapat para sahabat Nabi ṣ *allāllahu ‘alaihi wasallam*. Apabila pendapat para sahabat Nabi ṣ *allāllahu ‘alaihi wasallam* juga tidak diperolehi maka barulah digunakan *qiyās* sebagai sumber hukum. Prinsip ini juga menyerupai prinsip Imam Syāfi’ī *raḍ iallāhu ‘anhu*. (Syeikh Khalid al-Sab‘al-‘Alami & Syeikh Zuhair Syafiq al-Kabbi 1426H/2006M, 19-20)

Jika Imam Aḥmad bin Hanbal *rah imahullāh*, banyak mendapat kesan atau pengaruh daripada guru beliau sendiri Imam Syāfi’ī *raḍ iallāhu ‘anhu* maka tidak hairanlah jika para ulama Mazhab Hanbali juga mendapat kesan atau pengaruh yang serupa, sama ada daripada Imam Syāfi’ī sendiri ataupun melalui para ulama Mazhab Syāfi’ī.

Sebagaimana ulama Mazhab Ḥanafī dan Mazhab Mālikī mengambil perhatian terhadap karya-karya ulama Mazhab Syāfi’ī dalam ilmu Usul Fiqh, para ulama Mazhab Ḥanbalī juga turut mengambil perhatian terhadap karya-karya ulama Mazhab Syāfi’ī dalam ilmu Usul Fiqh. Antaranya kitab Usul Fiqh yang ditulis oleh Imam Ibn Qudāmah *rah imahullāh* yang diberi judul *Rauḍ ah al-Nāẓ ir Wa Junnah al-Munāẓ ir*. Kitab ini merupakan kitab Usul Fiqh dalam Mazhab Hanbalī yang diikhtisar daripada kitab *al-Mustaṣ fā*, kitab Usul Fiqh dalam Mazhab Syāfi’ī tulisan Imam Abū Ḥāmid al-Ghazālī *rah imahullāh*. (Abū Ḥafṣ Sāmī al-‘Arabī 1419H/1999M, 15)

Sebagaimana yang disebutkan oleh ‘Aṭ iyyah Muhammad Sālīm dalam muqaddimah beliau dalam kitab *Mudhakkirah Fī Uṣ ūl al-Fiqh*, tulisan Muhammad al-Amīn bin Muhammad al-Mukhtār al-Syinqīṭ ī *rah imahullāh* bahawa kitab *Rauḍ ah al-Nāẓ ir* yang ditulis oleh Imam Ibn Qudāmah banyak terpengaruh dengan kitab *al-Mustaṣ fā*, tulisan Imam al-Ghazālī *rah imahullāh*. (Al-Syeikh Al-‘Allāmah ‘Aṭ iyyah Muhammad Sālīm 1419H/1999M, 26)

Selain itu, Imam Ibn al-Muflih al-Hanbali (Al-Ziriklī 2002M, j7:107)¹ *rah imahullāh* dalam kitab Usul al-Fiqh tulisan beliau

¹ Syamsuddīn Abī Abdillāh Muhammad bin Muflih bin Muhammad bin Mufarraj al-Maqdisī al-Rāmīnī al-Ṣ alihī. Beliau merupakan seorang ulama bermazhab Hanbali. Meninggal pada tahun 763H.

sebahagiannya banyak mengambil inspirasi dan mengambil sumber rujukan daripada kitab-kitab Usul Fiqh tulisan para ulama Mazhab Syāfi'ī. Dari aspek metode penyusunan kitab beliau itu antaranya sangat dekat kepada metode yang digunakan oleh Imam al-Āmidī al-Syāfi'ī *raḥimahullāh* melalui kitab beliau *Al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām* dan kitab beliau *Muntahā al-Sūl Fī 'Ilm al-Uṣūl*.

Dari aspek sumber rujukan pula, sebilangannya adalah bersumber daripada kitab-kitab Usul Fiqh karya para ulama Mazhab Syāfi'ī seperti berikut:

- i. Kitab al-Risālah, tulisan Imam Syāfi'ī *raḍi allāhu 'anhu*.
- ii. Kitab al-Maḥṣūl Fī 'Ilm Uṣūl al-Fiqh, tulisan Imam Fakhrud-dīn al-Rāzī *raḥimahullāh*. Imam Ibn Muflīḥ beberapa kali menyebut dalam kitabnya itu:

"قال صاحب المحصول"
- iii. Kitab *Syarḥ al-Minhāj*, tulisan Imam al-Baiḍāwī *raḥimahullāh*.
- iv. Kitab al-Burhān Fī Uṣūl al-Fiqh, tulisan Imam Abū al-Ma'ālī al-Juwainī *raḥimahullāh*. Imam Ibn Muflīḥ merujuk kepada kitab ini dalam beberapa tempat.
- v. Kitab al-Iḥkām Fī Uṣūl al-Aḥkām dan kitab *Muntahā al-Sūl Fī 'Ilm al-Uṣūl* tulisan Imam al-Āmidī *raḥimahullāh*. Imam Ibn Muflīḥ banyak mendapatkan manfaat daripada dua buah kitab tulisan Imam al-Āmidī ini. (Ibn Muflīḥ 1420H/1999M, 62,63&71-73)

Selain kalangan ulama silam, sebilangan ulama semasa Mazhab Ḥanbalī juga mengambil perhatian terhadap karya-karya ulama Mazhab Syāfi'ī dalam ilmu Usul Fiqh, antaranya kitab Usul al-Fiqh yang disusun oleh Imam al-'Amrīṭī al-Syāfi'ī (Al-Ziriklī 2002M, j8:174)¹ *raḥimahullāh* iaitu kitab *Manẓum al-'Amrīṭī Lī al-Waraqāt*. Kitab ini disyarahkan oleh Syeikh Ibn 'Uthaimīn *raḥimahullāh*, seorang ulama bermazhab Ḥanbalī yang tersohor berasal daripada Arab Saudi dan diberi judul *Syarḥ Nazm al-Waraqāt*

¹ Yahya bin Nūriddīn Abū al-Khair bin Musa bin al-'Amrīṭī al-Syāfi'ī, Syarafuddīn. Beliau meninggal selepas tahun 989H.

Fī Uṣūl al-Fiqh.(Ibn ‘Uthaimīn t.t)

Antaranya lagi, kitab Usul al-Fiqh yang disusun oleh Imam al-Haramain al-Juwainī al-Syāfi‘ī (Al-Zuhaili 1412H/1992M, 41&45)¹ *raḥ imahullāh* iaitu kitab beliau yang berjudul al-Waraqāt. Kitab ini disyarahkan oleh Syeikh Abdullah bin Ṣāliḥ al-Fawzān, seorang ulama bermazhab Ḥanbalī yang tersohor berasal daripada Arab Saudi, dan diberi judul Syarḥ al-Waraqāt Fī Uṣūl al-Fiqh.(Abdullah bin Ṣāliḥ al-Fawzān 1417H/1996M)

Berdasarkan kepada kenyataan yang dijelaskan oleh Imam Ibn Taimiyyah *raḥ imahullāh* di atas dan perhatian yang diberikan oleh para ulama Mazhab Ḥanbalī terhadap karya-karya Usul Fiqh ulama Mazhab Syāfi‘ī maka tidak syak lagi Usul Fiqh Mazhab Syāfi‘ī juga mempunyai pengaruh dan sumbangan ilmu yang besar terhadap ulama *muta’akhhirīn* Mazhab Ḥanbalī.

PENGARUH USUL FIQH SYĀFI‘Ī T TERHADAP ULAMA DI ALAM MELAYU

Oleh kerana golongan ulama di Alam Melayu majoritinya bermazhab Syāfi‘ī maka tidak hairanlah jika mereka juga turut memberi perhatian terhadap tulisan-tulisan para ulama Mazhab Syāfi‘ī dalam bidang ilmu Usul Fiqh. Mereka mengambil inisiatif mensyarahkan ataupun membuat *ḥāsyiah* ataupun membuat komen terhadap kitab-kitab Usul Fiqh tulisan ulama silam Mazhab Syāfi‘ī.

Antara ulama di Alam Melayu yang begitu aktif menghasilkan penulisan ilmu Usul Fiqh ialah:

1. Al-‘Allāmah Muhammad Yāsīn bin ‘Īsā al-Fādānī al-Makkī *raḥ imahullāh*. Gelaran al-Fādānī adalah nisbah kepada daerah Padang, Indonesia. Ini kerana keluarga beliau berasal dari Padang. Beliau dilahirkan di Makkah pada tahun 1335H/1916M. Mula mendapat pendidikan daripada bapa beliau Syeikh Muhammad ‘Īsā al-Fādānī dan bapa saudaranya Syeikh Mahmud al-Fādānī. Beliau meninggal pada waktu sahur malam Jumaat, 27

¹ Nama penuh beliau ialah ‘Abdul Malik bin ‘Abdullah bin Yusof bin ‘Abdullah bin Yusof bin Muhammad bin Haiyūyah al-Juwainī al-Nīsābūri. Meninggal pada tahun 478H.

Zulhijjah 1410H.(Ramzī Sa‘d al-Dīn Dimasyqiyyah 1417H/1996M, 37&48; Mohd. Khafidz bin Soroni dan Mohd. Norzi bin Nasir t.t, 36)¹

Beliau telah menghasilkan lebih enam puluh karya penulisan kitab dalam pelbagai disiplin ilmu seperti ilmu Hadits, Usul Fiqh, Fiqh, Kaedah Fiqh, ilmu Sanad dan lain-lain.(Ramzī Sa‘d al-Dīn Dimasyqiyyah 1417H/1996M, 43&44) Khusus dalam Usul Fiqh, metode penulisan beliau sebilangannya berbentuk syarah kepada kitab-kitab Usul Fiqh tulisan ulama silam Mazhab Syāfi‘ī, sebilangannya lagi berbentuk *ḥ āsyiah*, sebilangan yang lain lagi berbentuk komentar (*ta‘līqāt*) terhadap tulisan-tulisan tersebut. Antara tulisan beliau dalam disiplin ini ialah:

- i. Bughyah al-Musyṭāq Fī Syarḥ al-Luma‘ Lī Abī Ishāq al-Syīrāzī. Kitab Bughyah ini merupakan syarah kepada kitab Usul Fiqh dalam Mazhab Syāfi‘ī yang masyhur iaitu kitab al-Luma‘, tulisan ulama tersohor dalam Mazhab Syāfi‘ī iaitu Imam Abu Ishāq al-Syīrāzī al-Syāfi‘ī rahimahullāh. Kitab Bughyah ini kemudiannya menarik perhatian seorang penyelidik iaitu Ahmad Darwīsī, lalu beliau mengambil inisiatif dengan mentahqiqnya. Hasilnya diterbitkan oleh Dār Ibn Kathīr, Damsyik – Beirut.(Al-Fādānī 1432H/2011M)
- ii. Al-Durr al-Naḍ id Ḥawāsī ‘Alā Kitāb al-Tamhīd Lī al-Isnawī. Kitab al-Durr al-Naḍ id merupakan *ḥ āsyiah* kepada kitab Usul Fiqh Mazhab Syāfi‘ī yang masyhur iaitu al-Tamhīd Fī Takhrīj al-Furū‘ ‘Alā al-Uṣ ūl, tulisan Imam Jamāluddīn Abū Muhammad bin al-Hasan al-Isnawī rahimahullāh, salah seorang ulama tersohor dalam Mazhab Syāfi‘ī yang meninggal pada tahun 772H.(Ahmad Darwīsī 1432H/2011M, 20; Muhammad Ḥasan Hītū 1419H/1998M, 16)

¹ Diakses dari: http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2013/11/HADIS_JURNAL_BIL_1_2.pdf [pada 22/4/2021].

- iii. *Iḍ ā'ah al-Nūr al-Lāmi' Syarḥ al-Kawkab al-Sāṭ i' Naz m Jam' al-Jawāmi'*. Kitab ini mensyarahkan kitab *Syarḥ al-Kawkab al-Sāṭ i' Naz m Jam' al-Jawāmi'* tulisan Syeikh Jalāluddīn al-Sayūṭ i *rah imahullāh*, salah seorang ulama tersohor dalam Mazhab Syāfi'ī yang meninggal pada tahun 911H.(Al- Ḥifnāwī 1420H/2000M, 10)
 - iv. *Ḥāsyiah 'Alā al-Talaṭ ṭ uf Syarḥ al-Ta'arruf Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. Kitab ini merupakan *ḥ āsyiah* kepada kitab *al-Talaṭ ṭ uf Syarḥ al-Ta'arruf Fī Uṣ ūl al- Fiqh* tulisan Syeikh Muhammad bin Ali bin Muhammad 'Allān al-Ṣ iddīqī al-Syāfi'ī al-Makkī *rah imahullāh* yang meninggal pada tahun 1057H/1647M.(Ibn 'Allān 1330H, 1)
2. Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Manan bin Abdullah bin Ahmad al-Tirmisī al-Jāwī *rah imahullāh*. Beliau lahir di desa Termas, Arjosari Pacitan, Jawa Timur, pada 31 Ogos 1868M dan meninggal dunia di Makkah pada 20 Mei 1920M.(Mukani 2016M, 217)¹

Antara kitab tulisan beliau dalam disiplin Usul Fiqh ialah:

- i. *Isāf al-Muṭ āli' Bī Syarḥ al-Badr al-Lāmi' Naz m Jam' al-Jawāmi'*. Kitab ini merupakan syarah kepada kitab *al-Badr al-Lāmi' Naz m Jam' al-Jawāmi'*. Kitab *al-Badr al-Lāmi'* adalah hasil tulisan al-'Allāmah Ali bin Muhammad bin 'Isa bin Yusof bin Muhammad al-Asymūnī, salah seorang ulama Mazhab Syāfi'ī.

Kitab *Isāf al-Muṭ āli'* karangan Imam al-Tirmisī ini telah menarik perhatian seorang penyelidik iaitu Abdul Wahhab bin 'Āyid bin 'Uwaiḍ ah al-Aḥ madī untuk menjalankan tahqiq ke atasnya dalam kajian tesis beliau di peringkat Doktor

¹ Diakses dari: <file:///C:/Users/user/Downloads/1059-Article%20Text-3263-1-10-20160105.pdf> [pada 23/4/2021]

Falsafah dalam bidang Usul Fiqh di Universiti Ummul Qurā pada tahun 1426H/2005M.(Abdul Wahhāb bin 'Ayyid bin 'Uwaid ah al-Aḥ madī 1426H/2005M, 8&127)

- ii. Nail al-Ma'mūl 'Alā Lubb al-Uṣ ūl Fī 'Ilm al-Uṣ ūl. Penulisan beliau dalam kitab ini banyak menukulkan daripada syarah-syarah dan *ḥ āsyiah-ḥ āsyiah* kitab Jam' al-Jawami' seperti kitab Tasynīf al-Masāmi' karangan Imam al- Zarkasyī al-Syāfi'ī *raḥ imahullāh*, al-Badr al-Ṭ āli' karangan Imam al- Maḥ allī al-Syāfi'ī *raḥ imahullāh*, Ḥ āsyiah al-'Aṭ ṭ ār dan Ḥ āsyiah al-Āyāt al- Baiyināt karangan Imam Ibn Qāsim al-'Abbādī al-Syāfi'ī *raḥ imahullāh*. Kitab Jam' al-Jawāmi' itu pula adalah hasil tulisan Imam Tajuddin Abdul Wahhāb bin 'Ali al-Subkī al-Syāfi'ī *raḥ imahullāh* yang meninggal pada tahun 771H.(Abdurrahman Reḍ ā Anṣ arī 2016M, 52-53)
3. Imam Abdul Ḥ aq bin Abdul Ḥ annān al-Jāwī Syāfi'ī *raḥ imahullāh*. Beliau adalah cucu kepada Syeikh Nawawi al-Bantanī. Beliau lahir di kota Makkah pada tahun 1285H/1868M. Ayah beliau Abdul Ḥ annān al-Jāwī merupakan salah seorang ulama Nusantara berasal dari Serang Banten dan menantu kepada Syeikh Nawawi al-Bantanī *raḥ imahumallāh*. Beliau meninggal pada usia muda disebabkan sakit. Meninggal di Makkah pada hari Sabtu, 19 Rabiulakhir 1324H/1906M.

Antara karya peninggalan beliau ialah kitab dalam disiplin ilmu Usul Fiqh yang beliau namakan al-Aqwāl al-Mulḥ aqāt 'Alā Mukhtaṣ ar al-Waraqāt. Kitab ini merupakan *ḥ āsyiah* kepada kitab Mukhtaṣ ar al-Waraqāt, tulisan al-'Allāmah Abu al-Hasan al-Bakrī *raḥ imahullāh* atas matan kitab al-Waraqāt, tulisan Imam al- Juwaini *raḥ imahullāh*. Naskhah manuskrip kitab al-Aqwāl al-Mulḥ aqāt ada tersimpan di Maktabah Makkah al-Mukarramah. Jumlah keseluruhan naskhah adalah sebanyak 31 halaman termasuk halaman kulitnya. Beliau selesai menulis kitab tersebut pada 24

Rabiulakhir 1318H.¹

4. Syeikh Ahmad Khaṭīb bin Abdul Laṭīf bin Abdul Rahman bin Abdullah al-Minangkabawi *rahimahullāh*. Beliau lahir di Empat Angkat, Bukittinggi Sumatera Barat pada 6 Zulhijjah 1276H/1859M dan meninggal di Makkah pada tahun 1916M. Beliau bermazhab Syāfi'ī dan pernah menjadi imam di Masjidil Haram Makkah serta mengajar di masjid tersebut.

Sepanjang hidup beliau tidak kurang dari tujuh belas karya telah beliau hasilkan antaranya sebuah kitab dalam bidang Usul Fiqh iaitu *Ḥāsyiah al-Nafaḥāt 'Alā Syarḥ al-Waraqāt*. *Ḥāsyiah* ini selesai beliau tulis pada 25 Ramaḍān 1306H. Ia merupakan *ḥāsyiah* kepada kitab *Syarḥ al-Waraqāt*, tulisan Imam Jalāluddīn al-Maḥallī Syāfi'ī *rahimahullāh*. (Mukani 2016M, 220-222; Al-Khaṭīb al-Jāwi 1434H/2013M, 3&8) Setakat yang ditemui, kitab *Ḥāsyiah al-Nafaḥāt* ini diterbitkan oleh tiga penerbit, iaitu:

- i. Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādūh, Mesir (1357H/1937M).
 - ii. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut (1434/2013), cetakan kedua. Versi ini ditahqiq oleh Muhammad Sālim Hāsyim.
 - iii. Maktabah Dhakhā'ir al-Warrāqīn (2016).
5. Syeikh Abdul Ḥamīd bin Muhammad 'Ali Quds bin 'Abdul Qādir al-Khaṭīb *rahimahullāh*. Beliau dilahirkan di Makkah al-Mukarramah pada tahun 1277/1278H bersamaan 1860/1861M. Setengah pendapat mengatakan beliau dilahirkan di Haḍramaut. Beliau pernah singgah di Kota Semarang dan Kudus yang merupakan tempat kelahiran ayahnya Muhammad 'Ali Quds. Beliau pernah menjadi guru mengajar dalam halaqah di Masjid al-Ḥaram, Makkah al-Mukarramah

¹ Mengenal Syaikh Abdul Haq al-Bantani Al-Makki (1868-1906). Diakses dari: <https://jaringansantri.com/mengenal-syaikh-abdul-haq-al-bantani-al-makki-1868-1906-m/> [pada 24/4/2021]

dan seorang imam bermazhab Syāfi'ī di Maqam Sayyidina Ibrahim 'alaihiṣṣalām.(Abdul Ḥamīd bin Muhammad Ali Quds 1369H/1950M, 1-2; Umma Farida 2019M, 272-274)¹

Beliau begitu aktif menghasilkan penulisan dalam pelbagai disiplin ilmu, seperti 'Aqidah, Usul Fiqh dan sastera Arab. Kesemua kitab ini ditulis dalam Bahasa Arab. Dalam bidang Usul Fiqh beliau pernah menghasilkan kitab yang berjudul *Laṭ ā'if al-Isyārāt 'Alā Tashīl al-Ṭuruqāt Lī Naẓ m al-Waraqāt Lī al-'Amrīt ī*. Kitab ini merupakan syarah kepada kitab *Naẓ m al-Waraqāt* tulisan Imam al-'Amrīt ī *rah imahullāh*, seorang ahli fiqh dalam Mazhab Syāfi'ī. Kitab ini diterbitkan oleh Syarikah Maktabah Wa Maṭ ba'ah Muṣ ṭ afā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlāduh, Mesir pada tahun 1369H/1950M. Selain itu, kitab ini diterbitkan oleh Maktabah al- Turmusī Lī al-Turāth, Indonesia. Cetakan ini ditaḥ qīq oleh Ibnu Harjo al-Jawi. Kitab ini juga diterbitkan oleh Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, dan ditaḥ qīq oleh Sayyid 'Alwi Abu Bakar Muhammad al-Saqqāf.(Abdul Ḥamīd bin Muhammad Ali Quds 1369H/1950M, 1-2)²

Kitab *Laṭ ā'if al-Isyārāt* ini kemudiannya dibuat komenter oleh Dr. al-Nu'mān Mundhir al-Syāwī yang diberi nama *Rahā'if al-Ta'liqāt 'Alā Laṭ ā'if al-Isyārāt*. Kitab ini diterbitkan oleh Dār al-Nūr al-Mubīn Lī al-Dirāsāt Wa al-Naṣ r, Jordan pada tahun 2013.(Al-Nu'mān Mundhir al-Syāwī 2013M)³

- 6 Al-'Allāmah al-Sayyid Muḥ sin bin Ali al-Musāwā *rah imahullāh*. Beliau dilahirkan di Palembang pada 18 Muharram 1323H bersamaan 22 Mac 1905M. Meninggal pada 10 Jamadilakhir 1354H. Beliau

¹ DOI: <http://dx.doi.org/10.21580/teo.2019.30.2.3639>

² Maktabah At-Turmusy Litturots, Indonesia. Diakses dari: <https://turmusi.id/produk/lathaif-al-isyarat>, pada 21/4/2021; Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, Indonesia. Diakses dari: <http://www.dkislamiyah.co.id/produk-kami/116/LATHAIFUL-ISYARAT.html> [pada 21/4/2021].

³ Diakses dari: <http://malcat.uum.edu.my/kip/Record/iium.u524517/Details> [24/4/2021]

menghasilkan kitab Usul Fiqh melalui kitab beliau iaitu *Madkhal al-Wuṣūl Ilā ‘Ilm al-Uṣūl*. Sebagaimana yang beliau jelaskan dalam muqaddimah kitab tersebut, kitab ini merupakan kumpulan definisi dalam ilmu Usul Fiqh hasil kupasan daripada matan kitab *al-Waraqāt*, tulisan Imam al-Haramain Imam al-Juwaini al-Syāfi’ī *rah imahullāh*. (Al-Musāwā t.t, 3; Moch Rafly Try Ramadhani 11 Februari 2021; Kholil Syu’aib dan Zulkifli M. Nuh 2018M, 301-302)¹

Melihat kepada karya-karya Usul Fiqh para ulama silam Mazhab Syāfi’ī yang tersohor seperti karya Imam Abu Ishāq al-Syīrāzī, Imam al-Isnawī, Syaikh Muhammad bin Ali bin Muhammad ‘Allān al-Ṣiddīqī, Imam al-Haramain al-Juwaini, Imam al-‘Amrīṭī *rah imahumullāh* dan lain-lain, yang dibahas dan dikembangkan oleh para ulama yang berasal dari Alam Melayu, ia memberi isyarat bahawa para ulama silam Mazhab Syāfi’ī sangat memberi impak yang signifikan kepada golongan ulama di Alam Melayu dalam penulisan karya-karya mereka dalam disiplin ilmu Usul Fiqh. Malahan sebilangan ulama yang berasal dari Alam Melayu ini juga turut diberi kepercayaan untuk menjadi guru di halaqah-halaqah yang diadakan di Masjidil Haram Makkah al-Mukarramah sesuai dengan tahap keilmuan mereka yang mantap.

Selain itu, karya-karya penulisan para ulama Alam Melayu ini tidak syak lagi merupakan khazanah ilmu yang amat berharga dan merupakan sumbangan yang amat besar kepada perkembangan ilmu Usul Fiqh yang boleh dimanfaatkan oleh dunia Islam, seperti institusi-institusi penyelidikan, institusi-institusi pendidikan, institusi-institusi fatwa dan sebagainya.

KESIMPULAN

Imam Syāfi’ī *rah imahumullāh* sebagai seorang ilmunan atau ulama yang hebat yang memelopori penerokaan disiplin ilmu Usul Fiqh melalui kitab beliau *al-Risālah* memberi impak yang luar biasa kepada dunia keilmuan Islam. Para ulama Syāfi’iyyah *rah imahumullāh* yang datang selepas itu turut menjejaki langkah tersebut dalam meneroka

¹ Diakses dari: <https://tafsiralquran.id/muhsin-al-musawa-ulama-nusantara-pengarang-kitab-nahj-al-taisir-syarh-mandzumah-al-tafsir/> [pada 22/4/2021]; Diakses dari: <file:///C:/Users/user/Downloads/2466-11572-2-PB.pdf> [pada 23/4/2021]

dan mengembangkan ilmu Usul Fiqh berdasarkan apa yang telah diasaskan oleh Imam Syāfi’ī *raḍ iallāhu ‘anhu* sebelum itu. Lalu lahirlah daripada mereka pelbagai karya dalam penulisan ilmu Usul Fiqh sehingga mampu menarik perhatian ulama lain selain Mazhab Syāfi’ī.

Setakat dapatan kajian ini, selain Imam Syāfi’ī *raḍ iallāhu ‘anhu*, terdapat beberapa ulama Syāfi’iyyah yang tersohor mempunyai pengaruh yang amat ketara yang terpancar melalui tulisan-tulisan mereka dalam disiplin ilmu Usul Fiqh sehinggakan menjadi perhatian yang mendalam kepada golongan ulama di luar Mazhab Syāfi’ī; Mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Antara mereka yang dianggap mempunyai pengaruh yang hebat dalam hal ini ialah Imam al-Ḥaramaīn al-Juwainī *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau “al-Burhān” dan “al-Waraqāt”, Imam Abū Ḥamid al-Ghazālī *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau “al-Mustaṣ fā”, Imam al-Āmidī *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau “al-Ihkām Fī Uṣ ūl al-Aḥ kām”, Imam Tājuddīn al-Subkī melalui kitab beliau “Jam‘ al-Jawāmi’”, Imam Abū Ishāq al-Syīrāzī *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau “al-Luma’”, Imam al-Isnawī *raḥ imahullāh* melalui kitab beliau “al-Tamhīd Fī Takhrīj al-Furū‘ ‘Alā al-Uṣ ūl” dan lain-lain.

Selain itu, pengaruh Imam Syāfi’ī dan ulama Syāfi’iyyah *raḥ imahumullāh* khususnya melalui karya-karya tulisan mereka dalam ilmu Usul Fiqh tidak setakat berlegar di kawasan Timur Tengah dan sekitarnya, malahan merentasi sempadan Timur Tengah sehingga ke Alam Melayu. Beberapa karya dalam ilmu Usul Fiqh yang dihasilkan oleh beberapa ulama Syāfi’iyyah seperti Imam Abu Ishāq al-Syīrāzī, Imam al-Isnawī, Syeikh Muhammad bin Ali bin Muhammad ‘Allān al-Ṣ iddīqī, Imam al-Haramain al-Juwaini, Imam al-‘Amrīṭ ī *raḥ imahumullāh* dan lain-lain telah mampu mencorakkan pemikiran Usul Fiqh para ulama yang berasal dari Alam Melayu dan seterusnya menjadi asas kepada mereka untuk menghasilkan kitab-kitab mereka dalam disiplin ilmu Usul Fiqh dalam Mazhab Syāfi’ī. Karya-karya penulisan para ulama Alam Melayu ini tidak syak lagi merupakan khazanah ilmu yang amat berharga dan merupakan sumbangan yang amat besar kepada perkembangan ilmu Usul Fiqh yang boleh dimanfaatkan secara berterusan, bukan sahaja di Alam Melayu tetapi juga di dunia Islam seluruhnya.

BIBLIOGRAFI

- ‘Ammar al-Talibi, Dr. (t.th.). *Muqaddimah Īdāh al-Maḥ ṣ ūl Min Burhān al-Uṣ ūl*. Tunis: Dar al-Gharb al-Islami.
- ‘Aṭ iyyah Muhammad Sālim. (1419/1999) *Muqaddimah Mudhakkirah Uṣ ūl al-Fiqh ‘Ala Raudh al-Nāẓ ir Lī al-‘Allāmah al-Syeikh Muhammad al-Amīn al-Syinqītī*. Mesir: Dār al-Yaqīn.
- Abdul Ḥamīd bin Muhammad Ali Quds. (1369/1950). *Laṭ ā’if al-Isyārāt ‘Alā Tashīl al- Ṭuruqāt Lī Naz m al-Waraqāt Lī al-‘Amrīt ī*. Mesir: Syarikah Maktabah Wa Maṭ ba‘ah Muṣ ṭ afā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Awlādūh.
- Abdul Wahhāb bin ‘Āyid bin ‘Uwaiḍ ah al-Aḥ madī. (1426/2005). “Isāf al-Muṭ āli‘ Bī Syarḥ al-Badr al-Lāmi‘ Naz m Jam‘ al-Jawāmi‘”. Tesis Ph.D. Fakulti Syariah Dan Dirāsāt ‘Ulyā, Universiti Umm al-Qurā.
- Abdullah bin Ṣ āliḥ al-Fawzān. (1417/1996). *Syarḥ al-Waraqāt Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. Cetakan ketiga. Riyāḍ : Dār al-Muslim Lī al-Nasyr Wa al-Tawzī‘.
- Abdurrahman Reḍ ā Anṣ arī. (2016). “Tahqiq Kitab Nail al-Ma’mūl Hasyiah Ghāyah al- Uṣ ūl” Tesis M.A, Fakulti Dirāsāt al-‘Ulyā, Universiti Maulānā Mālik Ibrahim al- Islāmiyyah al-Hukumiyyah, Malang.
- Abū Ḥafṣ Sāmī al-‘Arabī. (1419/1999) *Muqaddimah Taḥ qīq Mudhakkirah Uṣ ūl al-Fiqh ‘Ala Raudh al-Nāẓ ir Lī al-‘Allāmah al-Syeikh Muhammad al-Amīn al-Syinqītī*. Mesir: Dār al-Yaqīn.
- Abū Zahrah, Muhammad. (1996). *Al-Syāfi‘ī, Ḥayātuh Wa ‘Asruh – Ārā’uh Wa Fiqhuh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-‘Arabī.
- Ahmad bin Muhammad Naṣ ṛuddīn. (1422/2001). *Al-Madhhab al-Hanafī*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.

Ahmad Darwīsy. (1432/2011). *Muqaddimah Tahqīq Bughyah al-Musytāq Fī Syarḥ al-Luma‘Lī Abī Ishāq*. Cetakan kedua. Damsyik-Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Ahmad Zakī al-Ḥammād. (t.th.). *Muqaddimah al-Mustasfa Min ‘Ilm al-Usul*. Riyadh: Dār al-Maimān Li al-Nasyr Wa al-Tawzī‘.

Al-Dasūqī, Syamsuddin Muhammad ‘Arafah. (t.th.) *Ḥāsyiah al-Dasūqī*. t.pt: Dār Ihyā’ al- Kutub al-‘Arabiyyah ‘Isā al-Bābiy al-Ḥalabī Wa Syarikāhu.

Al-Fādānī, Muhammad Yāsīn. (1432/2011). *Bughyah al-Musytāq Fī Syarḥ al-Luma‘ Lī Abī Ishāq*. Ahmad Darwīsy (Tq.) Cetakan kedua. Damsyik-Beirut: Dār Ibn Kathīr.

Al-Ḥifnāwī, Muhammad Ibrahim. (1420/2000). *Muqaddimah Taḥ qīq Syarḥ al-Kawkab al- Sāṭ i‘ Jam‘ al-Jawāmi‘*. Al-Manṣ ūrah: Maktabah al-Īmān Li al-Ṭ ab‘ Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī‘.

Al-Isnawī, Jamāluddīn Abū Muhammad bin al-Hasan. (1407/1987). *Al-Tamhīd Fī Takhrīj al-Furū‘ ‘Alā al-Uṣ ūl*. Muhammad Hasan Hito, Dr. (Tq.). Cetakan keempat. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

Al-Khaṭ ṭ b al-Jawi, Ahmad bin Abdul Laṭ ṭ f. (1434/2013). *Ḥāsyiah al-Nafaḥ āt ‘Alā Syarḥ al-Waraqāt*. Muhammad Sālim Hāsyim (Tq.). Cetakan kedua. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Musāwā, al-Sayyid Muḥ sin bin Ali. (t.th.). *Madkhal al-Wuṣ ūl Ilā ‘Ilm al-Uṣ ūl*. Surabaya: Bungkul Indah.

Al-Nu‘mān Mundhir al-Syāwī, Dr.. (2013). *Rahā’if al-Ta‘līqāt ‘Alā Laṭ ā’if al-Isyārāt*. Jordan: Dār al-Nūr al-Mubīn Lī al-Dirāsāt Wa al-Naṣ r. Diakses dari: <http://malcat.uum.edu.my/kip/Record/iium.u524517/Details> [24/4/2021]

Al-Qurasyī, ‘Abdul Qādir bin Muhammad bin Muhammad bin Naṣ rullāh Ibn Sālim bin Abī al-Wafā’. (t.th.). *Al-Jawāhir al-Muḍ iyyah al-Ḥanaḥiyyah*. ‘Abdul Fattāh al-Ḥulw, Dr. (Tq.). t.pt: Hijr Lī al-Ṭ ibā‘ah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzī‘ Wa al-Ī‘lān.

Al-Ş afadī, Ş alāh uddīn Khalīl bin Ībak. (1420/2000). *Al-Wāfi Bī al-Wafayāt*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī.

Al-Tumurtāsyī, Muhammad bin ‘Abdullah bin Ahmad bin Muhammad al-Khatīb. (t.th.). *Al-Wuṣ ūl Ilā Qawā ‘id al-Uṣ ūl*. Muhammad Syarif Mustafa Ahmad Sulaiman (Tq.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Zarkasyī, Badr al-Dīn Muhammad bin Bahādir bin Abdullah al-Syāfi‘ī. (1413/1992). *Baḥ r al-Muhīt Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. Cetaka kedua. Kuwait: Wizārah al-Awqāf Wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah.

Al-Ziriklī. Khairuddīn. (2002). *Al-A‘lām*. Cetakan kelima belas. Beirut: Dār al-’Ilm Lī Malāyīn.

Al-Zuhaili, Muhammad, Dr.. (1412/1992) *Al-Imam Juwaini, Imam al-Haramain*. Cetakan kedua. Damsyik: Dar al-Qalam.

Al-Zuḥ ailī, Wahbah, Dr.. (1406/1986). *Uṣ ūl al-Fiqh al-Islāmī*. Damsyik: Dār al-Fikr.

_____. (1419/1999). *Al-Wajīz Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. Ulangan cetakan pertama. Damsyik: Dār al-Fikr.

Bassām al-Jazā’iri, ‘Ali bin Abdurrahman, Dr. (1434/2013). Taḥ qīq Kitāb al-Taḥ qīq Wa al-Bayān Fī Syarḥ al-Burhān Fī Uṣ ūl al-Fiqh. Qatar: Wazārah al-Awqāf Wa al-Syu’ūn al-Islāmiyyah.

Dār al-Kutub al-Islāmiyyah, Indonesia. Diakses dari: <http://www.dkislamiyah.co.id/produk-kami/116/LATHAIFUL-ISYARAT.html> [pada 21/4/2021].

Ibn ‘Allān, Muhammad bin Ali bin Muhammad ‘Allan al-Sadiqi al-Syāfi‘ī. (1330). *Al-Talaṭ ṭ uf Syarḥ al-Ta’arruf Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. Makkah: Maṭ ba’ah al-Taraqqī al-Mājidīyyah al-‘Uthmāniyyah.

Ibn ‘Uthaimīn, Muhammad bin Ş āliḥ al-‘Uthaimīn. (t.th.). *Syarḥ Naṣ m al-Waraqāt Fī Uṣ ūl al-Fiqh*. t.tp.:Dār Ibn al-Jauzī.

Ibn al-Humām, Kamāluddīn Muhammad bin ‘Abd al-Wāhid bin ‘Abd al-Ḥamīd bin Mas‘ūd al-Sīwāsī. (1351). *Al-Tahrīr fī Uṣūl al-Fiqh al-Jāmi‘ baina Iṣṭilāḥ ai al-Ḥanafīyyah wa al-Syāfi‘īyyah*. Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh.

Ibn al-Sā‘ātī, Ahmad bin ‘Ali bin Taghlab. (1418). *Nihāyah al-Wuṣūl ilā ‘Ilm al-Uṣūl*. Sa‘d Ghurair bin Mahdī al-Sulamī, Dr. (Tq.). Makkah al-Mukarramah: Jāmi‘ah Ummul Qurā.

Ibn Khaldūn, Waliuddīn ‘Abdurrahmān bin Muhammad Ibn Khaldūn. (1425/2004). *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Abdullah Muhammad al-Darwīsī (Tq.). Damsyik: Dār Ya‘rib.

Ibn Khalkān, Abū al-‘Abbās Syamsuddīn Ahmad bin Muhammad bin Abī Bakr. (t.th.). *Wafiyāt al-‘yān Wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*. Iḥsān ‘Abbās, Dr.. (Tq.) Beirut: Dār Ṣādir.

Ibn Muflīḥ, Syamsuddīn Muhammad bin Muflīḥ al-Maqdisī al-Hanbalī. (1420/1999). *Uṣūl al-Fiqh*. Fahd bin Muhammad al-Sadḥān, Dr. (tq.). Riyāḍ : Maktabah al-‘Abīkān.

Ibn Niẓām al-Dīn, ‘Abd al-‘Aliyy Muhammad. (1418-1998). *Fawātih al-Raḥamūt Bī Syarḥ Musallam al-Thubūt*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Thurāth al-‘Arabī.

Ibrahim Muhammad Salqini, Dr.. (1996). *Al-Muyassar fī Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. Cetaka kedua. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir.

Khalid al-Sab‘al-‘Alami & Zuhair Syafiq al-Kabbi. (1426/2006). *Muqaddimah Kitāb al-Risalah*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.

Khalīl al-Mīs. (1421/2001). *Muqaddimah Taqwīm al-Adillah Fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Kholil Syu‘aib dan Zulkifli M. Nuh. (2018). Jaringan Ulama Intelektual Riau: Melacak Silsilah Keilmuan Syaikh ‘Abdurrahman Ya’qub. *Jurnal Ilmiah Islam Futura*, 17(2), h.301-302. Diakses dari: <file:///C:/Users/user/Downloads/2466-11572-2-PB.pdf> [pada23/4/2021]

Maktabah At-Turmusy Litturots, Indonesia. Diakses dari: <https://turmusi.id/produk/lathaaif-al-isyaaar>, pada 21/4/2021.

Mannā‘ al-Qaṭ ṭ ān. (1402/1982). *Al-Tasyrī‘ Wa al-Fiqh Fi al-Islām Tārīkhan Wa Manhajan*. Cetakan kedua Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

Maryam Muhammad Ş ālih al-Z āfirī. (1422/2002). *Muṣ ṭ alaḥ at al-Madhāhib al-Fiqhiyyah Wa Asrār al-Fiqh al-Marmūz Fī al-A‘lām Wa al-Kutub Wa al-Ārā’ Wa al-Tarjīḥ āt*. Beirut: Dār Ibn Ḥazm

Mengenal Syaikh Abdul Haq al-Bantani Al-Makki (1868-1906). Diakses dari: <https://jaringansantri.com/mengenal-syaikh-abdul-haq-al-bantani-al-makki-1868-1906-m/> [pada 24/4/2021]

Moch Rafly Try Ramadhani. (11 Februari 2021). Muhsin al-Musawa, Ulama Nusantara Pengarang Kitab Nahj al-Taisir Syarh Mandzumah al-Tafsir. Diakses dari: <https://tafsiralquran.id/muhsin-al-musawa-ulama-nusantara-pengarang-kitab-nahj-al-taisir-syarh-mandzumah-al-tafsir/> [pada 22/4/2021].

Mohd. Khafidz bin Soroni dan Mohd. Norzi bin Nasir. (t.th.). Ketokohan Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani (1916-1990) Dan Sumbangannya Dalam Disipli Perwayatan Sanad. *Hadis Jurnal*, 1(2). h.36. Diakses dari: http://lms.kuis.edu.my/jurnal/wp-content/uploads/2013/11/HADIS_JURNAL_BIL_1_2.pdf [pada 22/4/2021].

Muhammad Ḥasan Hītū, Dr.. (1419/1998). *Muqaddimah al-Mankhūl Min Ta‘līqāt al-Uṣ ūl*. Cetakan ketiga. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣ ir.

Mukani. (2016). Ulama al-Jāwī di Arab Saudi Dan Kebangkitan Umat Islam Di Indonesia. *Al-Murabbi*, 2(2), h. 217. Diakses dari: <file:///C:/Users/user/Downloads/1059-Article%20Text-3263-1-10-20160105.pdf> [pada 23/4/2021]

Pusat Da'wah Islamiah. *Mushaf Brunei Darussalam Dan Terjemahannya*. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Qādī Şafad, Muhammad bin Abdul Rahman al-'Uthmani al-Qurasyi. (1434/2013) *T'abaqāt al-Fuqaha' al-Kubrā*. Muḥ yiddīn 'Alī Najīb (Tq.). Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Ramzī Sa'd al-Dīn Dimasyqiyyah. (1417/1996). *Muqaddimah al-Fawā'id al-Janiyyah*. Cetakan kedua. Beirut: Dār al-Basyā'ir al-Islāmiyyah.

Al-Rāzī, Muhammad bin 'Umar bin al-Ḥusain. (1406/1986). *Manāqib al-Imām al-Syāfi'ī*. Ahmad Ḥijāzī al-Saqā, Dr. (Tq.). Kaherah: Maktabah al-Kulliyāt al-Azhariyyah.

Umma Farida. (2019). *Rebo Wekasan Menurut Perspektif KH Abdul Hamid Dalam Kanz al-Najāḥ Wa al-Surūr*. *Jurnal Theologia*, 30(2), hh.272-274. DOI: <http://dx.doi.org/10.21580/teo.2019.30.2.3639>

Zakariyyā bin Ghulām Qādir al-Bākistānī. (1423/2002) *Min Uṣ ūl al-Fiqh 'Ala Manhaj Ahl al-Ḥadīth*. t.tp.: Dār al-Kharrāz Lī al-Nasyr Wa al-Tauzī.